

24 FEB 1996

Mahathir-Israel

TINDAKAN ISRAEL JEJASKAN RUNDINGAN DAMAI ASIA BARAT

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Tindakan Israel menolak penubuhan negara Palestin akan menjejaskan rundingan damai Asia Barat serta menyukarkan kepimpinan Palestin di bawah Yasser Arafat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sokongan Arafat bergantung setakat mana beliau mampu mendapatkan kebebasan untuk Palestin dan jika ini gagal bermakna pengaruh beliau juga akan terjejas.

Pendirian Israel itu menyebabkan Malaysia masih mempunyai perasaan sangsi dan tidak senang hati dengan kerajaan Tel Aviv, katanya kepada pemberita selepas menerima cek daripada beberapa penaja lumba basikal Le Tour de Langkawi.

Dr Mahathir merupakan penaung bagi Le Tour de Langkawi itu.

Perdana Menteri Israel, Shimon Peres semalam menyatakan bahawa beliau menolak penubuhan negara Palestin.

"Sama ada kenyataan itu dibuat kerana pilihan raya yang akan diadakan di Israel Mei ini, ia akan mengikat pihak yang bertanding dan ia tidak dapat bergerak sekiranya ada keperluan untuk mengiktiraf negara Palestin," katanya.

Mengenai kenyataan Setiausaha Luar Britain, Malcom Rifkind yang mahukan penyertaan mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) dibuka kepada Australia, New Mahathir berkata setakat ini penyertaan Australia dan New Zealand tidak diperlukan.

Beliau berkata, sekiranya penyertaan ASEM diperluaskan, ia tidak sihat malah ia akan mewujudkan pencanggahan kepentingan. Selain tidak dapat mengadakan dialog sebenar malah ia juga akan mengelirukan dan oleh itu tidak ada sebarang perkara yang boleh dicapai.

Apabila ditanya bilakah Australia dan New Zealand boleh menyertai ASEM, Dr Mahathir berkata ini bergantung kepada sejauh mana negara-negara itu menyifatkan dirinya sebagai Asia.

Bagaimanapun, katanya, India dan Pakistan boleh menyertai ASEM tetapi mesti ada kriteria untuk mereka menyertainya jika tidak nanti ada yang akan bertanya bagaimana dengan negara lain seperti Bangladesh dan Nepal.

"Mesti ada kelayakan untuk menyertai ASEM," katanya.

Menurut beliau lagi, setakat ini adalah wajar penyertaan mesyuarat itu melibatkan negara-negara dari Timur Asia dan Asia Tenggara.

Di tanya sama ada ASEM perlu diadakan lagi selepas pertemuan di Bangkok itu, Dr Mahathir berkata: " Saya rasa kita perlu lihat sama ada ASEM pertama mencapai matlamatnya. Seperti yang anda tahu Jepun telah mengemukakan statistik perdagangan yang menunjukkan perdagangan antara Kesatuan Eropah dan Asia Timur makin berkurangan ... sama ada kerana perdagangan asing tidak dibenarkan lagi oleh Kesatuan Eropah kita perlu kaji."

"Seperti yang anda tahu sebuah syarikat kecil milik Kewangan Usaha Bersatu (KUB) yang mengeluarkan barangan elektronik dikenakan duti 46 peratus bagi barangannya. Saya tidak tahu apa dasarnya. Selagi yang saya tahu mereka belum lagi memeriksa butir-butir sama ada syarikat itu melambak barangannya di Eropah atau tidak.

Keupayaan syarikat yang kecil itu untuk melambak barangannya di Eropah tidak masuk akal," kata beliau.

Beliau berkata, apabila EU mengenakan syarat-syarat seperti itu ia bukan sahaja akan menjejaskan Malaysia tetapi juga negara-negara Asia Timur

yang lain.
--BERNAMA
ARA PR